

UMS pilihan pelajar China

UB 10.02.2012 A7


Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Seramai 46 pelajar antarabangsa dari China dan seorang dari Korea Selatan mendaftar diri bagi Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP) kendalian Pusat Pembangunan Profesional UMSLink, kelmarin.

Program ini adalah sebagai kursus persediaan bagi memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris pelajar sebelum menyambung pengajian di peringkat sarjana muda dan sarjana dalam bidang masing-masing di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pemangku Pengarah Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah, Dr Paul Porodong berkata, suasana di Sabah yang tenang dengan keindahan alam semulajadinya adalah tarikan utama pelajar dari China dan Korea ke negeri ini.

“Kita sangat bertuah kerana ketika ramai pelajar antarabangsa memilih



PAUL

universiti di Semenanjung kerana persekitaran yang membangun, masih ramai pelajar yang mahukan suasana yang tenang di negeri ini terutamanya pelajar dari China.

“Dan UMS juga sebenarnya adalah institusi pengajian tinggi yang mempunyai pelajar China paling ramai di Malaysia,” katanya kepada media di sesi pendaftaran pelajar, kelmarin.

Kata Paul, minggu lalu juga UMS turut menerima



ROSELINA

pelajar antarabangsa dari Tanzania, Vietnam, Myanmar dan Indonesia.

Sementara itu, empat lagi pelajar Korea yang sepatutnya mendaftar diri belum dapat berbuat demikian kerana kelewatan mendapat visa pelajar.

Dalam pada itu, Paul berkata UMS akan sentiasa mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka dalam bidang pendidikan yang menjadi teras perniagaan bagi memenuhi ekspektasi pelajar antarabangsa yang



SEBAHAGIAN daripada 46 pelajar dari China yang mendaftar diri untuk Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP) UMS, kelmarin.

memilih universiti itu.

Beliau turut berharap para pelajar akan menggunakan peluang berada di Sabah bagi mengenali keindahan alam semulajadi dan keunikan warisan budaya Sabah.

Bagi Pengarah Urusan Kumpulan UMSLink Holdings Sdn Bhd, Prof Dr Roselina Ahmad Saufi pula, adanya pejabat wakil UMS di Beijing, China memudahkan pelajar mendapatkan maklumat tentang program yang disediakan di IPTA ini.

Selain berkunjung sendiri ke pejabat wakil UMS di Beijing, pelajar juga boleh mendapatkan maklumat dan membuat pendaftaran secara online.

“Selain faktor tarikan fizikal seperti persekitaran dan masyarakat, tarikan juga adalah pada kekuatan perkhidmatan yang kita tawarkan yang mendapatkan pengiktirafan daripada kerajaan China sendiri,” katanya.

Katanya, yuran yang berpatutan juga menyebabkan Malaysia secara amnya dan Sabah secara khusus,

menjadi pilihan pelajar antarabangsa.

Sementara itu, kursus persediaan ISFP dilaksanakan selama enam bulan bertujuan membolehkan pelajar menguasai bahasa Inggeris dan peperiksaan asas pembelajaran.

ISFP juga menjadi medium untuk mendedahkan pelajar antarabangsa kepada aktiviti berkumpulan, kerja lapangan dan program berkaitan kebudayaan Sabah.

Terdapat 10 modul dalam program ini merangkumi tatabahasa, kemahiran membaca, menulis, mendengar dan berbual dalam bahasa Inggeris selain penulisan laporan penyelidikan dan pengucapan awam.

Pelajar juga turut didedahkan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa asing (tahap I dan II) dan mengenali Malaysia.

Kursus dilaksanakan selama enam bulan atau 800 jam kredit untuk membolehkan mereka meneruskan pengajian di UMS.



PAUL (barisan kedua, tujuh kiri) dan **Roselina** (barisan kedua, tengah) bersama pelajar dari China yang mendaftar diri untuk Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP) UMS, kelmarin. Turut kelihatan Wakil UMS di Beijing, China, **Helen Liu** (barisan kedua, tujuh kanan).